# e-BULETIN JSKM

EDISI MAC 2025



## LAMBAIAN KASIH PERSAHABATAN

## RAHSIA ALAMI UNTUK KELEGAAN SAKIT KEPALA

## MENYEMAI MINAT, MENUAI KEJAYAAN

Perjalanan Seorang Pendidik

**Ts. Wan Anisha Wan Mohammad**

## ISTIMEWA ANAK SULUNG

eISSN 2637-0077

9 772637 007004

KELUARAN KE-13




# Isi Kandungan e-Buletin


| | |
|---|---|
| Kata Pengantar Ketua Editor | 01 |
| Kata Pengantar Koordinator | 02 |
| Ucapan Khas Salam Aidilfitri | 03 |
| Menyemai Minat, Menuai Kejayaan | 04 |
| Laporan Aktiviti | 05 |
| Perkongsian | 16 |
| Puisi | 69 |



## Sidang Redaksi:

**Ketua Editor**
Dr. Siti Nurleena Abu Mansor

**Editor**
Ts. Jamal Othman
Pn. Siti Mariam Saad
Pn. Zuraira Libasin
En. Ahmad Rashidi Azudin



## Terbitan:

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang




# PERKONGSIAN

# PETANQUE(SASPEN 2024)

## Kenangan Manis!

Disediakan oleh: Azlina Mohd Mydin




Seperti tahun-tahun biasa, Unit Sukan UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menganjurkan Sukan Antara Staf Penang (SASPEN) pada tahun 2024. Pelbagai permainan dipertandingkan selama 1 bulan dari bulan Mei sehingga bulan Jun.

JSKM dikumpulankan bersama PKA untuk SASPEN 2023 & 2024. Disebabkan sebagai ketua unit sukan dan kepimpinan staf JSKM, saya memegang amanah untuk mendapatkan pemain dari JSKM untuk menyertai dan memberi kerjasama yang terbaik bagi menjayakan SASPEN 2024.

Saya , Azlina, Dr Siti Nurleena dan Puan Siti Mariam merupakan pemain yang berminat untuk menyertai pertandingan petanque SASPEN 2024 . Kami bertiga pemain wanita mewakili JSKM bergabung kumpulan dengan 3 pemain lelaki dari PKA. Dr Samsudin, En Zaini, dan En Amir merupakan pemain dari PKA. Memandangkan permainan petanque ini dijalankan secara *Trio* , kami berenam dibahagikan menjadi 2 kumpulan. Kumpulan Merah A terdiri daripada En Zaini, En Amir dan Puan Mariam manakala, saya, Dr Nurleena dan Dr Sam dinamakan kumpulan Merah B.



Sebagai pemain yang pertama kalinya bermain petanque ini, Dr Samsudin & En Zaini mengajar dan memberi latihan kepada kami bertiga (wanita) sehingga kami boleh menguasai permainan ini. Kami berenam selalu turun latihan pada Jumaat pagi dari pukul 8.30 ke 10 pagi memandangkan kami tiada kelas pada waktu tersebut. Selain Jumaat pagi kami juga akan membuat latihan pada waktu petang terutamanya pada hari Khamis.



**Permainan petanque telah menerima penyertaan sebanyak 16 kumpulan. Permainan *Trio* Petanque ini bermula pada 5 Jun hingga 25 Jun 2024.Sesi pertandingan bermula selepas asar dan tamat sebelum maghrib. Di bawah ini saya lampirkan jadual pertandingan.**



**Pertandingan dimulakan dengan sesi perlawanan dalam kumpulan. Johan dan Naib Johan kumpulan akan meneruskan permainan ke peringkat suku akhir. Di peringkat suku akhir, konsep kalah mati digunapakai. Tiada had masa ditetapkan dalam sesi permainan petanque dalam kumpulan. Pemenang di tentukan dengan kumpulan yang mencapai 13 point terdahulu.**



**Kumpulan kami, Merah B telah menjadi naib johan dalam kumpulan dan berjaya sehingga ke peringkat final. Kami kumpulan Merah B, telah tewas ketika bertemu kumpulan Merah A di peringkat separuh akhir dengan kutipan mata 13 - 0. Diperingkat akhir kumpulan kami bertemu dengan team bendahari dimana pemain-pemainya merupakan pemain Petanque UiTM Penang. Alhamdulillah kumpulan kami, berjaya menewaskan mereka dengan kutipan markah 13-11. Saya percaya kemenangan ini adalah semangat kebangkitan semula kami atas kekalahan di peringkat semi final. Dr Samsudin juga merupakan salah satu faktor kemenangan kumpulan kami kerana beliau selalu memberi semangat dan tunjuk ajar semasa pertandingan berlangsung (kadang2 kena marah juga he..he).**




**Alhamdulillah kumpulan Merah A mendapat tempat kedua dan kami, kumpulan Merah B mendapat tempat ketiga. Sungguh tidak disangka rezeki ini , kerana kami bertiga (wanita) merupakan kali pertama memegang bola petanque dalam sesi pertandingan SASPEN 2024.Dilampirkan poster ucapan tahniah dari pihak unit sukan.**

**Unit Penerbitan e-Buletin**
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang